

Membuat definisi sendiri mengenai demokrasi

Kebebasan **negara2** tumpuan ucapan PM di PBB ^{(?) Mahathir berkecuali}

U.S. 24 SEPT 1991

Daripada
Khalid Mohd.

NEW YORK 23 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang tiba dari Cancun lewat malam tadi berkata, beliau akan memusatkan ucapannya di Bangsa-Bangsa Bersatu Selasa ini tentang kebebasan negara - negara kecil untuk membuat definisi sendiri mengenai demokrasi.

Perdana Menteri menegaskan, beliau juga akan menekankan tentang kebebasan negara kecil untuk menentukan nasib mereka tanpa gangguan negara besar.

Dalam menghujah soal kebebasan ini, katanya, beliau akan turut menegaskan betapa perlu kumpulan minoriti menghormati hak kumpulan majoriti bukan sebaliknya sahaja.

Perdana Menteri dan rombongannya tiba di sini dari Cancun selepas melakukan lawatan rasmi lima hari ke Mexico.

Beliau dijadualkan berucap pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu petang Selasa ini.

Agenda pertama Perdana Menteri hari ini ialah perbincangan dengan Presiden Korea Selatan. Roh Tae-woo dan makan tengah hari bersamanya.

'Di sebelah petang, beliau akan melawat Pusat Islam New York dan menyampaikan sumbangan AS\$100,000 kepada Pengerusi Projek Pembangunan Pusat Kebudayaan Islam di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga akan mengadakan perbincangan dengan sahabat lamanya, bekas Setiausaha Negara

Amerika, Dr. Henry Kissinger, dan pemimpin - pemimpin media massa dan para pengarang di sini.

Beliau juga dijadualkan berjumpa dengan Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez dan Setiausaha Agung PBB, Javier Perez de Cuellar.

Menjelaskan lagi tentang ucapannya Selasa ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, negara - negara besar mempunyai definisi mereka sendiri tentang demokrasi yang tidak sama dengan definisi negara kecil seperti Malaysia.

"Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah tentang hak kumpulan minoriti.

"Sementara kita menghormati hak minoriti, kita tidak boleh terima hak minoriti yang membelakangkan hak kumpulan majoriti," ujar Perdana Menteri.

Umpamanya, kata beliau, filem lucah boleh ditayang dengan bebas di Amerika Syarikat kerana ia adalah suatu hak.

Bagaimanapun, ini dianggap

tidak adil oleh kumpulan majoriti, ujarnya.

Di Malaysia pula, tambah Dato' Sri Dr. Mahathir, ada kumpulan minoriti yang mahu mewujudkan suasana yang tidak stabil melalui tunjuk perasaaan dan lain-lain sedangkan kumpulan majoriti tidak mahu semua ini dan ingin hidup aman damai.

"Kalau kita benarkan tingkah-laku seperti ini, akhirnya kita tidak akan ada stabiliti lagi dan kumpulan majoriti juga akan turut susah," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, beliau hairan bagaimana rakyat Amerika Syarikat dan Australia kini bukan sahaja dibenarkan memiliki pistol, tetapi juga sudah boleh memiliki mesingan.

"Adakah ini sebahagian daripada demokrasi?" beliau bertanya.

Atas nama demokrasi juga, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, wanita Amerika boleh berkahwin sesama wanita dan lelaki sesama lelaki.

Apakah ini juga demokrasi, beliau bertanya lagi.

"Kita (Malaysia) tidak mahu semua ini berlaku di negara kita. Bagi kita, kebebasan seperti ini tidak diperlukan. Kita tidak akan biarkan ia berlaku walaupun oleh kumpulan minoriti.

"Bagi kita, wanita hendaklah menjadi wanita, bukan lelaki.

"Walaupun mereka berhak kepada kebebasan, kebebasan itu sendiri mempunyai batasanya.

'Wanita tidak boleh menjadi lelaki atau dibenarkan berkahwin sesama sendiri, begitu juga dengan kaum lelaki," tegas Perdana Menteri.

kecil jadi